

BAHASA JIWA BANGSA

08 SYAABAN 1443H/11 MAC 2022M

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ
سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ .

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ
وَرَسُولَهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Antara tanda kebesaran Allah Subhanahu wa-Ta'ala ialah menciptakan manusia berbagai bangsa dan bahasa. Setiap bangsa dikurniakan bahasa sebagai alat untuk berhubung di antara satu sama lain demi mencapai kesejahteraan hidup. Bahasa juga berperanan utama dalam pembinaan tamadun sesuatu bangsa.

Kerana itulah kita mengatakan bahawa bahasa itu merupakan jiwa kepada sesuatu bangsa dan telah di ungkapkan dalam pepatah Melayu “**Bahasa melambangkan bangsa, Bahasa jiwa bangsa**”.

Islam menyarankan kita umatnya bertutur dengan bahasa yang terbaik kerana ia mencerminkan tahap keimanan dan ketakwaan seseorang. Firman Allah Subhanahu wa-Ta’ala dalam surah al- Rum ayat 22:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَمَنْ ءَايَنَهُ خَلْقُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَأَخْبَأْتُ أَلْسِنَتِكُمْ وَأَلْوَانَكُمْ

إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّلْعَالَمِينَ

Yang bermaksud: “Dan antara tanda-tanda (yang membuktikan kekuasaan dan kebijaksanaan-Nya) ialah kejadian langit dan bumi serta perbezaan bahasa dan warna kulit kamu. Sesungguhnya demikian itu mengandungi keterangan-keterangan bagi orang yang berpengetahuan;”

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta’ala

Kerajaan telah menetapkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa pengantar utama di negara ini. Maka kita semua hendaklah memperkasakan penggunaan bahasa kita dengan menggunakan bahasa Melayu dengan baik dan betul bersesuaian dengan tarafnya sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, bahasa ilmu dan bahasa budaya tinggi. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda dalam hadis Riwayat

Imam al-Tabrani yang bermaksud: *“Penyebab seseorang boleh masuk syurga ialah memberi makan, menyebarkan salam dan berbahasa yang baik.”*

Bahasa Melayu hendaklah digunakan secara meluas di semua peringkat seperti urusan surat-menyurat, majlis-majlis rasmi dan lain-lain sehingga di peringkat antarabangsa. Semua papan tanda, iklan dan nama-nama kawasan perumahan juga hendaklah menggunakan bahasa Melayu dan tulisan jawi yang jelas dan betul.

Kita hendaklah berbangga kerana bahasa Melayu telah dituturkan oleh lebih daripada 250 juta manusia di dunia dan telah menjadi salah satu bahasa yang ditawarkan untuk dipelajari di 118 institusi pengajian tinggi di dunia. Tujuan utama dasar ‘Memartabatkan Bahasa Melayu dan tulisan jawi’ adalah untuk menjadi alat perpaduan, bahasa perhubungan utama warga Malaysia dan bahasa ilmu.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta’ala

Dalam membina tamadun ummah, bahasa berperanan besar. Antaranya sebagai alat penyebaran agama dan dakwah, alat perpaduan, alat ekonomi dan alat pendidikan serta budaya. Sejarah membuktikan bahawa bahasa berperanan dalam penyebaran dan pengukuhan agama. Kita hendaklah mempertahankan bahasa Melayu kerana ia merupakan bahasa rasmi negara. Sekiranya, kita tidak mengambil peduli atau meremehkan penggunaan Bahasa Melayu kemungkinan besar ada pihak tertentu yang cuba untuk menggantikan bahasa lain sebagai bahasa rasmi negara.

Peranan bahasa juga boleh menjadi alat perhubungan antara sesama bangsa, maka di negara kita bahasa Melayulah yang layak dan diiktiraf sebagai bahasa rasmi di negara ini.

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ،
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ
إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ .